



KENYATAAN AKHBAR KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

SITUASI TERKINI JANGKITAN 2019-nCoV DAN PENGESANAN KES BAHARU DI MALAYSIA

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) ingin melaporkan mengenai **pertambahan satu (1) kes baharu 2019 novel coronavirus (2019-nCoV)** yang dilaporkan ke *Crisis Preparedness and Response Centre (CPRC)* Kebangsaan pada hari ini.

KES BAHARU KE-15

Kes baharu tersebut adalah seorang pelancong warganegara China wanita berumur 59 tahun dari Wuhan, China. Beliau bersama-sama dengan suami, anak lelaki dan menantunya telah tiba di Singapura pada 17 Januari 2020. Mereka kemudiannya pergi ke Johor Bahru pada 21 Januari 2020.

Pada kebanyakan masa, beliau hanya berada di tempat penginapannya. Beliau mula mengalami gejala demam pada 26 Januari 2020. Beliau tidak mendapatkan rawatan dari mana-mana fasiliti kesihatan dan hanya mengambil ubat demam yang dibeli anaknya dari farmasi berhampiran tempat penginapannya.

Beliau dijadualkan pulang ke China pada 4 Februari 2020 dengan menaiki penerbangan dari Johor Bahru ke Guangzhou, tetapi telah menangguhkannya kerana kurang sihat. Namun, anak lelaki dan menantunya telah pulang ke China pada tarikh tersebut.

Pada 5 Februari 2020, beliau masih tidak sihat setelah ubatan yang diambilnya habis. Pihak Pejabat Kesihatan Daerah (PKD) telah menerima pemakluman dari pihak pengurusan tempat penginapannya pada hari yang sama dan beliau telah dirujuk ke hospital bagi menerima rawatan selanjutnya.

Ujian pengesanan dan pengesahan 2019-nCoV yang dijalankan ke atasnya telah dilaporkan positif pada 6 Februari 2020. Beliau kini telah dimasukkan ke wad isolasi di Hospital Permai, Johor Bahru dan berada dalam keadaan stabil. Suaminya yang berusia 66 tahun juga diletakkan di wad isolasi hospital yang sama. Beliau bagaimanapun tidak bergejala. Sampel telah diambil dan menunggu keputusan makmal.

Dengan pertambahan satu (1) kes baru ini, jumlah kumulatif kes 2019-nCoV yang dilaporkan sehingga hari ini adalah sebanyak **15 kes**; iaitu tujuh (7) kes dalam kalangan kes *Patient-Under-Investigation* (PUI) jangkitan 2019-nCoV, enam (6) kes dalam kalangan kontak rapat dan dua (2) kes dalam kalangan rakyat Malaysia yang dibawa pulang dengan Misi Bantuan Kemanusiaan. Daripada jumlah tersebut, sebelas (11) kes adalah warganegara China dan empat (4) orang adalah warganegara Malaysia.

Sehubungan itu, dari 10 Januari 2020 sehingga 7 Februari 2020 jam 10:00 pagi; jumlah kumulatif kes PUI jangkitan 2019-nCoV adalah 313 orang; di mana 198 adalah warganegara Malaysia, 107 warga China dan masing-masing satu (1) warganegara Australia, Republik Korea, Jordan, Brazil, Kanada, Bangladesh, Indonesia dan Thailand. Tujuh (7) kes telah disahkan positif 2019-nCoV, 297 adalah negatif 2019-nCoV dan 9 kes masih menunggu keputusan makmal (Lampiran 1).

Sejumlah 19 kontak rapat yang baru kepada kes 2019-nCoV dilaporkan sehingga 7 Februari 2020 jam 10:00 pagi. Oleh itu, jumlah kumulatif kontak rapat kepada kes 2019-nCoV yang dilaporkan pada tahun 2020 sehingga hari ini adalah seramai 96 orang kesemuanya – di mana enam (6) orang adalah positif, 74 orang adalah negative dan 16 kes masih menunggu keputusan makmal (Lampiran 1).

Bagi mengekang penularan jangkitan 2019-nCoV di hospital, orang ramai terutama golongan berisiko tinggi adalah dinasihatkan untuk menghadkan lawatan ke hospital terutamanya bagi urusan tidak penting (*non-essential*).

Golongan ini termasuk kanak-kanak, warga emas berusia 65 tahun ke atas, pesakit dengan penyakit kronik, pesakit dengan daya ketahanan badan yang rendah dan wanita hamil. Jika golongan ini masih perlu hadir ke hospital, mereka dinasihatkan untuk mengamalkan penjagaan kesihatan diri seperti berikut:

- Elakkan daripada menyentuh mata, hidung dan mulut tanpa membasuh tangan terlebih dahulu;
- Basuh tangan dengan kerap menggunakan air dan sabun sekurang-kurangnya untuk tempoh selama 20 saat atau gunakan *hand sanitiser*;
- Elakkan daripada mendekati mereka yang mempunyai gejala jangkitan saluran pernafasan seperti batuk atau selsema;
- Mengamalkan *cough etiquette* (etika batuk) – iaitu menutup mulut dan hidung dengan tisu apabila batuk mahupun bersin, seterusnya membasuh tangan dengan serta merta;
- Jika mempunyai gejala jangkitan saluran pernafasan, sila pakai penutup hidung dan mulut serta kekalkan jarak yang selamat (iaitu sekurang-kurangnya 1 meter) daripada orang lain di persekitaran.

DATUK SERI DR. DZULKEFLY AHMAD

Menteri Kesihatan Malaysia

7 Februari 2020

**Jadual 1: Ringkasan Kes PUI 2019-nCoV
Sehingga Jam 10:00 Pagi; 7 Februari 2020**

Warganegara	Positif	Negatif	<i>Pending</i>	Jumlah
Malaysia	1	191	6	198
China	6	99	2	107
Lain-lain	0	7	1	8
Jumlah	7	297	9	313

**Jadual 2: Ringkasan Kontak Rapat Kes 2019-nCoV
Sehingga Jam 10:00 Pagi; 7 Februari 2020**

Warganegara	Positif	Negatif	<i>Pending</i>	Jumlah
Malaysia	1	41	5	47
China	5	33	11	49
Lain-lain	0	0	0	0
Jumlah	6	74	16	96

Nota: Kenyataan Akhbar YB Menteri Kesihatan yang bertarikh 5 Februari 2020 telah memaklumkan mengenai dua (2) warganegara Malaysia yang dibawa pulang melalui Misi Bantuan Kemanusiaan yang telah dikesan positif dan baki 131 adalah negatif 2019-nCoV.